

Pengaruh Affect Related Characteristic, Kesan Tanggapan Bahaya Dan Gaya Asuhan Ibu Bapa Terhadap Salah Laku Remaja Di Zon Skudai, Negeri Johor

¹Azizi Yahaya, ²Noordin Yahaya, ¹Mohd Sofie Bin Bahari

¹Universiti Teknologi Malaysia
²Universiti Teknologi Mara (Melaka)

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti antara pengaruh Affect Related Characteristic's, kesan tanggapan bahaya, gaya asuhan ibu bapa dengan tingkah laku di kalangan pelajar remaja di zon Skudai, Johor. Kajian ini telah dijalankan di lima buah sekolah menengah di zon Skudai. Teknik persampelan bertujuan telah digunakan untuk mengenal pasti 80 orang responden iaitu pelajar-pelajar menengah rendah untuk kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan merupakan adaptasi daripada soal selidik Positive and Negative Affect Schedule (PANAS-C), yang dibangunkan oleh Laurent et al. (1999), 'Paulson's Perception of Parenting Scale' yang dibangunkan oleh Paulson (1994) dan soal selidik Skala Delinkuen oleh Junger (1997). Soal selidik yang digunakan telah diubahsuai berdasarkan kepada keperluan kajian ini. Darjah kebolehpercayaan (alfa cronbach) bagi keseluruhan instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah 0.6887. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan Perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 11.5. Analisis deskriptif digunakan untuk menganalisis frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai. Manakala ujian-t digunakan untuk menguji perbezaan antara kesan pengaruh ARC's, kesan tanggapan bahaya dan gaya asuhan ibu bapa dengan jantina. Hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kesan tanggapan bahaya dengan jantina dan pengaruh ARC's dengan jantina dan terdapat perkaitan yang signifikan antara pengaruh ARC's ($r = 0.793$, $p = 0.00$), kesan tanggapan bahaya ($r = 0.938$, $p = 0.00$) dan gaya asuhan ibu bapa ($r = 0.10$, $p = 0.933$) dengan tingkah laku berisiko. Walaubagaimana pun terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya asuhan ibu bapa dengan jantina. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tingkah laku berisiko di kalangan pelajar remaja di zon Skudai adalah berada pada tahap yang rendah.

Pada peringkat pelajar dan remaja, seseorang individu mengalami perubahan yang amat pesat sekali, sama ada dari segi fizikal, emosi mahupun sosial. Pada zaman inilah para remaja mula terdedah kepada alam luas di luar rumah, malah persekitaran ini sudah merupakan rumah kedua kepada mereka. Remaja juga belajar banyak perkara yang tidak semuanya datang dari ibu bapa tetapi kebanyakannya daripada persekitaran sosial yang mana ia membesar. Pada waktu inilah para remaja mula mengubah tingkah laku, sikap, dan nilai, malahan seluruh cara hidup daripada alam kanak-kanak kepada alam yang lebih matang atau dewasa (Bettelheim, 1950). Mereka bukan sekadar nakal dengan menghisap rokok, bergaduh sesama sendiri atau berkelakuan tidak senonoh malah gejala seperti membuang bayi, ponteng sekolah, lari dari rumah, seks bebas serta lagi melepak sudah menjadi pekarabagi mereka. Mereka kini sudah berani melakukan perbuatan jenayah berat seperti menganggotai kumpulan samseng seperti kumpulan gengsterisme, membunuh, samun tanpa senjata api mahupun dengan senjata api, merogol, pelacuran, judi, vandalisme penyalahgunaan dadah, minum minuman keras, terbabit video lucah dan sebagainya. Keadaan seperti ini bukan sahaja berlaku disekolah bandar dan di pinggir bandar, malah ia juga berlaku disekolah luar bandar. Pelajar yang sering melanggar disiplin atau salah laku sekolah digelar pelajar devian.

Terdapat beberapa penjelasan mengenai punca devian. Teori fungsionalisme menganggap devian sebagai disfungsi pada struktur sosial. Teori konflik mengatakan devian merupakan tindakan golongan tertindas terhadap pihak minoriti yang menindas. Teori subbudaya dan deprivasi status pula berpendapat devian berpunca daripada budaya kumpulan yang berbeza dengan budaya masyarakat besar. Deprivasi selalu berpunca daripada kekurangan ekonomi dan kelemahan emosi. Remaja terutamanya daripada latar belakang kelas sosial rendah yang tidak berjaya dalam akademik mengalami kekecewaan dan tekanan status lalu bertindak melakukan devian. Teori interaksionisme melihat devian sebagai sesuatu yang subjektif dan merupakan suatu proses sosial. Pelajar sengaja memilih tingkahlaku tertentu mengikut kemahuan mereka yang sesuai dengan cara mereka menginterpretasi sesuatu. Kajian Tattum (1986) mendapati bahawa pelajar sengaja melakukan devian sebagai teknik neutralisasi dalam interaksi mereka. Menurut Merton (1938) terdapat empat jenis devian iaitu inovasi (suatu cara memenuhi matlamat dengan cara yang salah), ritual (tindakan mengulang perbuatan), undur (seseorang yang tidak lagi berminat dengan matlamatnya lalu melakukan alternatif lain sebagai tindakan) dan menentang (menolak matlamat persekolahan dan menggantikannya dengan matlamat lain).

Delikueni adalah perlakuan yang bertentangan dengan manusia yang berupaya mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Delikueni merupakan sejenis pemberontakan individu remaja dengan menunjukkan tingkah laku yang agresif terhadap pihak berkuasa sekolah. Delikueni juga bermaksud tingkah laku yang melanggar norma-norma masyarakat dan ia merujuk kepada pelajar sekolah atau belia pada had-had umur tertentu. Kajian ini cuba memfokuskan kepada sejauh manakah elemen-elemen yang berkaitan dapat mempengaruhi tingkah laku berisiko remaja, dan seterusnya membawa kepada salah laku di kalangan mereka, khususnya pelajar.

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengkaji perkaitan pengaruh yang menyebabkan salah laku di kalangan pelajar remaja di sekolah. Khususnya objektif kajian adalah untuk :-

1. Mengenal pasti kesan pengaruh ARC (Affect Related Characterstic) terhadap tingkah laku remaja.
2. Mengenal pasti jenis tingkah laku berisiko dalam kalangan remaja.
3. Mengenal pasti kesan tanggapan bahaya yang mempengaruhi tingkah laku remaja.
4. Mengenal pasti jenis-jenis gaya asuhan ibu bapa (autoritarian, autoritatif dan permisif) yang utama dalam mempengaruhi tingkah laku remaja.
5. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara kesan tanggapan bahaya, gaya asuhan ibu bapa dan kesan pengaruh ARC mengikut jantina.
6. Mengenal pasti sama ada terdapat perkaitan antara pengaruh ARC's, kesan tanggapan bahaya dan gaya asuhan ibu bapa dengan jenis tingkah laku berisiko.

Kajian ini akan menjawab beberapa persoalan di bawah.

1. Apakah kesan pengaruh ARC terhadap tingkah laku remaja?
2. Apakah jenis tingkah laku berisiko dalam kalangan remaja?
3. Apakah kesan tanggapan bahaya yang mempengaruhi tingkah laku remaja?
4. Apakah jenis-jenis gaya asuhan ibu bapa (autoritarian, autoritatif dan permisif) yang utama dalam mempengaruhi tingkah laku remaja?
5. Adakah perbezaan yang signifikan antara kesan tanggapan bahaya, gaya asuhan ibu bapa dan kesan pengaruh ARC mengikut jantina?
6. Adakah terdapat perkaitan antara pengaruh ARC's, kesan tanggapan bahaya dan gaya asuhan ibu bapa dengan jenis tingkah laku berisiko ?

Gaya Asuhan Dan Hubungannya Dengan Tingkah Laku

Gaya asuhan ibu bapa turut dihubungkan dengan tingkah laku devian pelajar. Lowe (1993), Stern dan Smith (1995) telah menjalankan kajian untuk mengetahui gaya asuhan yang telah dilalui oleh pesalah juvana. Hasil kajian mendapati bahawa sebahagian besar subjek kajian memperolehi corak gaya asuhan yang bersifat penolakan daripada ibu bapa mereka. Keadaan ini menyebabkan remaja terabai dan terjebak dengan delinkuensi kerana tidak mendapat perhatian dan sokongan daripada kedua ibu bapa mereka. Kajian yang telah dijalankan oleh Abdullah Al Hadi (1993) mendapati bahawa kawalan dan pengawasan ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting dalam menghalang atau mencegah pelajar dari terlibat dengan gejala sosial. Beliau mendapati pelajar yang mendapat kawalan dan pengawasan ke atas segala aktiviti mereka sangat kurang melibatkan diri dengan aktiviti yang tidak sihat.

Kajian oleh Rohani (2000) telah dijalankan terhadap beberapa pelajar berkaitan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak remaja di sekolah. Sampel kajian terdiri 76 orang pelajar dan soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ibu bapa memainkan peranan sebagai model dalam pembentukan akhlak remaja dan tidak memainkan peranan dalam memberikan dan juga tidak mengambil tindakan terhadap tingkah laku.

Tanggapan Bahaya Dan Hubungan Dengan Tingkah Laku Berisiko

Secara umumnya adalah dipercayai dari aspek teori bahawa remaja melibatkan diri dalam tingkah laku berisiko disebabkan oleh perasaan yang diri mereka terdedah kepada kecederaan, kecelakaan dan bahaya. Pandangan ini berpandukan kepada tiga andaian: 1) Perasaan tidak selamat mempunyai sumber yang berkembang; 2) Remaja melibatkan diri dalam tingkah laku berisiko disebabkan oleh perasaan tidak selamat; dan 3) Perasaan tidak selamat merupakan satu faktor risiko psikososial yang patut menjadi sasaran intervensi.

Tambahan pula, penyelidikan oleh Universiti Ball State, Amerika Syarikat, menunjukkan bahawa perasaan tidak selamat terbentuk dari pelbagai dimensi yang merentasi kedua-dua arah untuk membuat adaptasi. Ini bererti sesetengah perasaan tidak selamat menuju ke arah perbuatan berisiko yang delinkuen sedangkan perasaan yang sama boleh diadaptasi dalam keadaan yang sama dan tidak berakhir dengan perbuatan yang delinkuen.

Risiko didefinisikan sebagai kemungkinan hasil yang negative untuk setiap tingkah laku (Zuckerman, 1994). Pengambilan risiko adalah pilihan, berniat, bermatlamat dan selalunya menyebabkan kepada kemusnahan (Lightfoot, 1997). (Lightfoot, 1997) menemui yang remaja mengambil risiko atas beberapa sebab; penentangan terhadap pihak berkuasa, tekanan rakan sebaya, perubahan dalam pengalaman, dan untuk menjelaskan hubungan dengan orang lain. Perkongsian risiko terhasil dari kecenderungan berpautan, kepercayaan dan kemesraan dengan rakan. Semenjak risiko ditemui, ianya berbeza-beza bergantung kepada diri remaja, pengambilan risiko sudah menjadi lambang social remaja. Beliau juga menemui yang remaja percaya bahawa terdapat pandangan masyarakat terhadap pengambilan risiko di kalangan remaja.

Jangka masa yang dikenali sebagai remaja adalah dipengaruhi oleh biologi dan kebudayaan (Gallahue & Ozmun, 1998). Kesan biologi adalah dapat dilihat di akhir zaman kanak-kanak dan permulaan kematangan remaja. Kesan budaya dapat dirasa di akhir zaman remaja, ketika remaja masih memerlukan bantuan kewangan dan emosi dari ibu bapa. Irwin (1993) menyatakan element penyebab remaja mengambil risiko adalah factor biopsikososial dan factor persekitaran. Elemen ini penuh dengan kecenderungan mencari kehebatan yang tinggi, perkembangan kearah pengambilan risiko, spontaneous, keegoan, agresif, bias, kekurangan pengetahuan, jantina, umur, kesan hormone, kematangan, harga diri, perubahan social, kaum/etnik, status sosioekonomi, factor keluarga, tingkah laku rakan and masyarakat yang pelbagai. Sama ada benar atau tidak faktor yang mempengaruhi membawa kepada sikap remaja mengambil risiko and keputusan yang berisiko bergantung kepada social and budaya pilihan itu dibuat.

Sosialisasi kebudayaan adalah satu peristilahan merujuk kepada pengubahsuaian satu tingkah laku bagi mematuhi untuk jangkaan satu kumpulan tertentu. Kebudayaan adalah satu proses di mana remaja belajar kemahiran, sikap, nilai dan kelakuan yang membolehkan mereka bagi menyertai sebagai ahli masyarakat di mana mereka hidup. Banyak faktor mempengaruhi proses sosialisasi itu, termasuk rakyat, institusi, dan aktiviti. Motivasi untuk remaja untuk menerima pengambilan risiko adalah satu percubaan bagi mendapatkan kawalan peribadi lebih darikawalan orang dewasa (Lyng, 1993). Tanggapan ini menentang keperluan pembangunan bagi remaja serta mengadakan reality bahawa remaja tidak nampak kepentingan peranan mereka dalam masyarakat. Penyelidikan yang telah dijalankan menunjukkan kebanyakan remaja beranggapan bahawa mereka adalah tidak penting berbanding orang dewasa dan kebanyakan masyarakat tidak menyediakan peranan berguna di mana usaha mereka boleh disalurkan dengan sempurna.

Teori-Teori Tingkah Laku Berisiko

Teori Pembelajaran Sosial (Albert Bandura)

Di dalam teori Pembelajaran Sosial Bandura (1977), beliau telah membuat analisis yang menyatakan bagaimana manusia belajar melalui pemerhatian. Pembelajaran adalah melalui peniruan, mengajuk dan memadan. Biasanya, setiap individu terutama kanak-kanak akan menilai sesuatu perkara berasaskan kepada perkara yang pernah dilihat oleh mereka daripada orang-orang yang signifikan dan persekitaran. Bandura (1977), mendapati kanak-kanak akan mencontohi tingkah laku agresif selepas menonton filem yang berunsurkan aksi agresif (Eron, 1982).

Menurut Maarof (2003), Bandura (1977), menekankan bahawa manusia belajar dengan cara memerhatikan tingkah laku orang lain. Pembelajaran pemerhatian, yang dinamakan juga sebagai pemodelan, terhasil apabila manusia atau anak-anak memerhatikan tingkah laku orang lain atau mereka yang signifikan dan mencatatkan konsekuen tingkah laku tersebut. Kebanyakan pola percakapan, gaya pakaian, tingkah laku negatif dan agresif dan pelbagai tingkah laku dipelajari melalui pemodelan. Anak-anak remaja biasanya menjadikan ibu bapa, pelakon filem, ahli sukan, guru dan seumpamanya sebagai model yang menjadi ikutan. Ini menjelaskan kepada kita mengapa tingkah laku berbeza-beza mengikut masyarakat dan budaya.

Albert Bandura(1977), menganggap pemodelan merupakan demonstrasi yang penting tentang peranan kognitif dalam pembelajaran. Namun, tidak semestinya semua tingkah laku model ditiru. Anak-anak cenderung meniru tingkah laku yang diberikan peneguhan positif berbanding dengan tingkah laku yang diberikan hukuman. Sementara itu, sekiranya tidak diketahui peneguhan dan hukuman yang diperolehi, anak-anak atau remaja cenderung meniru tingkah laku model yang berstatus tinggi, menarik, yang disukai, dan berjaya atau malahan mereka mengandaikan bahawa tingkah laku mereka itu sering membawa kepada peneguhan.

Bandura (1977), telah menjalankan satu kajian, hasilnya beberapa orang kanak-kanak pra sekolah telah ditunjukkan adegan seorang dewasa yang memukul patung bernama Bobo. Kemudian, apabila kanak-kanak tadi dibiarkan bersendirian dengan patung tadi, mereka telah memukul patung tersebut sebagai mana telah dilakukan oleh orang dewasa tadi. Kadar tingkah laku agresif adalah sama seperti apa yang telah dilakukan oleh orang dewasa pada sebelumnya. Ini menunjukkan bahawa amat mudah bagi kanak-kanak meniru sesuatu perlakuan tanpa mengetahui apakah perlakuan tersebut wajar atau tidak.

Dalam satu kajian lain, Bandura (1977), membuat perbandingan antara tingkah laku ibu bapa yang mempunyai anak yang terlalu agresif dan anak yang terkawal. Teori Bandura(1977), mengatakan bahawa tingkah laku anak sepatutnya selari dengan tingkah laku ibu bapa. Kajian tersebut mendapati ibu bapa yang mempunyai anak yang terkawal terdiri daripada ibu bapa yang tidak agresif dan boleh mengawal tingkah laku mereka, manakala ibu bapa yang mempunyai anak yang terlalu agresif adalah terdiri daripada mereka yang juga bersikap agresif.

Teori pembelajaran sosial menekankan kepada proses peniruan sebagai bertanggung jawab kepada pembelajaran tingkah laku. Pemerhatian tingkah laku orang lain merupakan sebagai proses peniruan yang akan membentuk tingkah laku devian seseorang. Peniruan melalui pemerhatian merupakan satu proses pembelajaran tanpa penglibatan pengalaman lepas secara langsung (Renfrew, 1997).

Teori Behaviorisme

Skinner (1977) memfokuskan penelitian tentang perilaku dan menghabiskan karirnya untuk mengembangkan teori tentang Reinforcement. Dia percaya bahawa perkembangan keperibadian seseorang, atau perilaku yang terjadi adalah sebagai akibat dari respond terhadap adanya rangsangan dari luaran. Dengan kata lain, kita menjadi seperti apa yang kita inginkan kerana mendapatkan hasil dari apa yang kita inginkan tersebut. Bagi Skinner (1977) hal yang paling penting untuk membentuk keperibadian seseorang adalah melalui hasil dan hukuman. Pendapat ini tentu saja amat mengabaikan unsur-unsur seperti emosi, pikiran dan kebebasan untuk memilih sehingga Skinner menerima banyak kritik.

Menurut teori behavioristik, belajar adalah perubahan tingkah laku sebagai akibat dari adanya interaksi antara stimulus dan respon. Seseorang dianggap telah belajar sesuatu apabila ia mampu menunjukkan perubahan tingkah laku. Dengan kata lain, belajar merupakan bentuk perubahan yang dialami oleh siswa dalam hal kemampuannya untuk bertingkah laku dengan cara yang baru sebagai hasil interaksi antara rangsangan dan respon. Menurut teori ini yang terpenting adalah masuk atau input yang berupa rangsangan dan keluaran atau output yang berupa respon. Sedangkan apa yang terjadi di antara rangsangan dan respon dianggap tidak penting kerana tidak boleh dinilai. Faktor lain yang juga dianggap penting oleh aliran behavioristik adalah faktor penguatan (reinforcement) adalah apa saja yang dapat memperkuat timbulnya respon. Bila penguatan ditambahkan (positive reinforcement) maka respon akan semakin kuat. Begitu juga bila penguatan dikurangi (negative reinforcement) respon pun akan tetap dikuatkan.

Pengkaji behavioris menjelaskan bahwa belajar sebagai suatu proses perubahan tingkah laku dimana penguat dan hukuman menjadi rangsangan untuk merangsang pebelajar dalam berperilaku. Pendidik yang masih menggunakan kerangka behavioristik biasanya merencanakan kurikulum dengan menyusun isi pengetahuan menjadi bagian-bagian kecil yang ditandai dengan suatu keterampilan tertentu. Kemudian, bagian-bagian tersebut disusun secara hirarki, dari yang sederhana sampai yang kompleks (Paul, 1997).

Pandangan teori behavioristik telah cukup lama diguna pakai oleh para pendidik. Namun dari semua teori yang ada, teori Skinner (1977) yang paling besar pengaruhnya terhadap perkembangan teori belajar behavioristik. Program-program pembelajaran seperti Teaching Machine, Pembelajaran berprogram, modul dan program-program pembelajaran lain yang berpijak pada konsep hubungan stimulus-respons serta mementingkan faktor-faktor penguat (reinforcement), merupakan program pembelajaran yang menerapkan teori belajar yang dikemukakan Skinner (1977). Teori behavioristik banyak dikritik karena seringkali tidak mampu menjelaskan situasi belajar yang kompleks, sebab banyak variabel atau hal-hal yang berkaitan dengan pendidikan dan/atau belajar yang dapat diubah menjadi sekedar hubungan stimulus dan respon. Teori ini tidak mampu menjelaskan penyimpangan-penyimpangan yang terjadi dalam hubungan stimulus dan respon.

Pandangan behavioristik juga kurang dapat menjelaskan adanya variasi tingkat emosi pembelajaran, walaupun mereka memiliki pengalaman penguatan yang sama. Pandangan ini tidak dapat menjelaskan mengapa dua anak yang mempunyai kemampuan dan pengalaman penguatan yang relatif sama, ternyata perilakunya terhadap suatu pelajaran berbeza, juga dalam memilih tugas sangat berbeza tahap perilakunya. Pandangan behavioristik hanya mengakui adanya stimulus dan respon yang dapat diamati. Mereka tidak memperhatikan adanya pengaruh pikiran atau perasaan yang mempengaruhi unsur-unsur yang diamati tersebut. Teori behavioristik juga cenderung mengarahkan pelajar untuk berfikir linier, konvergen, tidak kreatif dan tidak produktif. Pandangan teori ini bahwa belajar merupakan proses pembentukan, iaitu membawa pelajar menuju atau mencapai taraf tertentu, sehingga menjadikan pendidik tidak bebas berkreatif dan berimajinasi. Padahal banyak faktor yang mempengaruhi proses belajar, proses belajar tidak sekedar pembentukan.

Skinner (1977) dan tokoh-tokoh lain pendukung teori behavioristik memang tidak menganjurkan digunakannya hukuman dalam kegiatan pembelajaran. Namun apa yang mereka sebut dengan penguat negatif (negative reinforcement) cenderung membatasi pelajar untuk berfikir dan berimajinasi. Menurut Guthrie (1991) hukuman memegang peranan penting dalam proses belajar. Namun ada beberapa alasan mengapa Skinner (1977) tidak sependapat dengan Guthrie (1991), iaitu, pengaruh hukuman terhadap perubahan tingkah laku sangat bersifat sementara, kesan psikologis yang buruk mungkin akan terjadi bila hukuman berlangsung lama. Hukuman yang mendorong si terhukum untuk mencari cara lain (meskipun salah dan berisiko) agar ia terbebas dari hukuman. Dengan kata lain, hukuman dapat mendorong si terhukum melakukan hal-hal lain yang kadangkala lebih buruk daripada kesalahan yang diperbuatnya.

Teori Analisis Transaksional

Berne (1964), mengajukan empat cara untuk mengetahui ego seseorang, yaitu melihat tingkah laku nonverbal maupun verbal yang digunakannya. Tingkah laku non-verbal tersebut pada umumnya sama namun dapat dibedakan kod simbolnya pada setiap orang sesuai dengan budaya yang melingkupinya. Di samping non verbal juga melalui verbal, misalnya pilihan kata. Umumnya tingkah laku melalui komunikasi verbal dan non verbal beriringan. Mengamati bagaimana sikap seseorang ketika bergaul dengan orang lain. Dominasi satu sikap dapat dilihat kalau seseorang sangat mencontohi orang lain maka seseorang itu sangat dikuasai oleh role model mereka dalam hal ini critical parent. Jika si anak suka mengamuk maka mereka dikuasai oleh sikap anak. Jika si anak suka bertanya dan mencari fakta-fakta atau latar belakang suatu kejadian maka ia dikuasai oleh sikap dewasa. Cara berbicara, gerak-gerik nonverbal mengikuti cara yang dilakukan ayah dan ibunya yang anda kenal. Mengecek perasaan diri sendiri, perasaan setiap orang muncul pada konteks, tempat tertentu yang sangat mempengaruhi apakah lebih banyak sikap orang tua, dewasa, ataupun anak-anak sangat menguasai mempengaruhi seorang.

Berne (1964), juga mengemukakan terdapat beberapa faktor yang menyebabkan terlaksananya transaksi antar peribadi, atau keseimbangan ego sebagai sikap yang dimiliki seseorang itu. Terdapat dua hambatan utama yaitu, kontaminasi (contamination). Kontaminasi merupakan pengaruh yang kuat dari salah satu sikap atau lebih terhadap seseorang sehingga orang itu “berkurang” keseimbangannya. Eksklusif (exclusive); penguasaan salah satu sikap atau lebih terlalu lama pada diri seseorang. Misalnya sikap orang tua yang sangat mempengaruhi seseorang dalam satu waktu yang lama sehingga orang itu terus menerus memberikan nasihat, melarang perbuatan tertentu, mendorong dan mengherdik.

Berne (1964), mengajukan tiga jenis transaksi antra peribadi yaitu: transaksi komplementer, transaksi silang, dan transaksi tersembunyi. Transaksi komplementer; jenis transaksi ini merupakan jenis terbaik dalam komunikasi antra peribadi karena terjadi kesamaan makna terhadap kesan yang mereka tukarkan, kesan yang satu dilengkapi oleh kesan yang lain meskipun dalam jenis sikap ego yang berbeda. Transaksi komplementer terjadi antara dua sikap yang sama, sikap dewasa. Transaksi terjadi antara dua sikap yang berbeza namun melengkapi. Kedua sikap itu adalah sikap orang tua dan sikap anak-anak. Komunikasi antra peribadi dapat diteruskan manakala terjadi transaksi yang bersifat komplementer karena di antara mereka dapat memahami kesan yang sama dalam suatu makna. Transaksi silang; terjadi ketika kesan yang disampaikan penghubung tidak mendapat respons sewajarnya dari penerima. Akibat dari transaksi silang adalah terputusnya komunikasi antra peribadi karena kesalahan dalam memberikan makna kesan.

Transaksi tersembunyi; jika terjadi campuran beberapa sikap di antara penghubung dengan penerima sehingga salah satu sikap menyembunyikan sikap yang lainnya. Sikap tersembunyi ini sebenarnya yang ingin mendapatkan respons tetapi ditanggapi lain oleh si penerima. Bentuk-bentuk transaksi tersembunyi boleh terjadi jika ada 3 atau 4 sikap dasar dari mereka yang terlibat dalam komunikasi antra peribadi namun yang diungkapkan hanya 2 sikap saja sedangkan 1 atau 2 lainnya tersembunyi.

Jika terjadi 3 sikap dasar sedangkan yang lainnya disembunyikan maka transaksi itu disebut transaksi tersembunyi 1 segi (angular). Kalau yang terjadi ada 4 sikap dasar dan yang disembunyikan 2 sikap dasar disebut dengan dupleks.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian yang telah digunakan pengkaji adalah penyelidikan berbentuk kuantitatif. Kaedah yang digunakan sepanjang kajian adalah melalui soal selidik sebagai instrumen pengumpulan data. Penggunaan soal selidik membolehkan kita mendapat maklumat yang banyak dalam masa yang singkat (Mohamad Khatim *et al.*, 2002). Kepentingan kaedah yang digunakan adalah untuk menentukan kesahihan dan kebolehpercayaan sesuatu kajian.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Instrumen berbentuk soal selidik merupakan cara yang paling berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden (Tuckman, 1978). Cates (1980) pula berpendapat, penggunaan instrumen berbentuk soal selidik adalah amat berkesan jika ia disediakan dengan baik dan mempunyai item-item yang konsisten dan boleh dipercayai. Dalam keadaan masa dan kos yang terhad, ia merupakan cara yang paling sesuai digunakan. Dengan menggunakan soal selidik juga responden tidak perlu menulis nama dan ini memungkinkan mereka menjawab dengan jujur (Cockburn, 1996). Pembinaan soal selidik ini telah dilakukan berdasarkan beberapa andaian yang telah dicadangkan oleh Wolf (1988) iaitu:

- i. Responden mudah membaca dan memahami item-item soal selidik
- ii. Responden mempunyai pengetahuan atau pengalaman yang mencukupi untuk menjawab item-item dalam soal selidik
- iii. Responden menjawab soal selidik secara suka rela dan ikhlas

Penggunaan soal selidik tertutup adalah baik kerana ia tidak memerlukan subjekberfikir atau melahirkan idea-idea baru terhadap sesuatu soalan (Kerlinger, 1986). Data-data yang diperolehi juga akan disusun secara teratur, jelas dan seterusnya dapat dianalisis daripada jawapan yang diberikan untuk ditafsirkan dengan lebih berkesan. Soal selidik dalam bahagian ini dibahagikan kepada 5 bahagian iaitu :

BAHAGIAN A: Latar belakang responden dan keluarga.

BAHAGIAN B: Soal selidik ARC (Affect Related Characteristic)

BAHAGIAN C: jenis tingkah laku berisiko dalam kalangan remaja

BAHAGIAN D: soal selidik tanggapan bahaya

BAHAGIAN E: Soal selidik corak gaya asuhan

DAPATAN KAJIAN

Jadual 4.17: Analisis Ujian-t Untuk Menunjukkan Perbezaan Yang Signifikan Antara Kesan Tanggapan Bahaya Dengan Jantina

		Levene's Test for Equality of Variances			t-test for Equality of Mean			
		Mean	F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference
Min kes kesan tanggapan bahaya	lelaki	4.5250	0.988	0.323	-2.793	78	0.007	-0.19500
	perempuan	4.7200			-3.309	46.138	0.002	-0.19500

Daripada Jadual 4.17, nilai min kesan tanggapan bahaya perempuan lebih tinggi secara signifikan iaitu ($M= 4.72$, $SD= 0.204$) dan ($t= -2.793$, $DF= 78$, two tailed $p= 0.007$) daripada lelaki ($M= 4.525$, $SD= 0.2886$). Berdasarkan ujian-t didapati bahawa nilai signifikan 0.323 iaitu lebih dari 0.05, maka hipotesis ini diterima. . Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kesan tanggapan bahaya dengan jantina.

Jadual 4.18: Analisis Ujian-t Untuk Menunjukkan Perbezaan Yang Signifikan Antara Gaya Asuhan Ibu Bapa Dengan Jantina

		Levene's Test for Equality of Variances			t-test for Equality of Mean			
		Mean	F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference
Minkes gaya asuhan ibubapa	lelaki	2.4417	4.341	0.040	-4.507	78	0.000	-0.29083
	perempuan	2.7325			-3.614	24.273	0.001	-0.29083

Daripada Jadual 4.18, nilai min gaya asuhan ibu bapa perempuan lebih tinggi secara signifikan iaitu ($M= 2.733$, $SD= 0.338$) dan ($t= -3.614$, $DF= 24.273$, two tailed $p= 0.001$) daripada lelaki ($M= 2.44$, $SD= 0.214$). Berdasarkan ujian-t didapati bahawa nilai signifikan ialah 0.040 lebih kecil daripada 0.05, maka hipotesis ini ditolak. . Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya asuhan ibu bapa dengan jantina.

**Jadual 4.19: Analisis Ujian-t Untuk Menunjukkan Perbezaan Yang Signifikan
Antara Kesan Pengaruh ARC Dengan Jantina**

		Levene's Test for Equality of Variances			t-test for Equality of Mean			
		Mean	F	Sig.	t	df	Sig.	Mean
		(2-tailed) Difference						
Minkes kesan pengaruh ARC's	lelaki	2.7121	1.005	0.319	-2.168	78	0.033	-0.12879
	perempuan	2.8409			-2.012	28.996	0.054	-0.12879

Daripada Jadual 4.19, nilai min pengaruh ARC's perempuan lebih tinggi secara signifikan iaitu (M= 2.84 ,SD= 0.2564) dan (t= -2.168, DF= 78, two tailed p= 0.033)daripada lelaki (M= 2.712, SD= 0.02852). Berdasarkan ujian-t didapati bahawa nilai signifikan ialah 0.319 lebih besar nilai dari 0.05, maka hipotesis ini diterima. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kesan pengaruh ARC dengan jantina.

**Jadual 4.20: Analisis Kolerasi Untuk Menunjukkan Perkaitan Yang Signifikan
Antara Pengaruh ARC's Dengan Jenis.**

		Correlations					
		JENIS	Marah	Takut	Gembira	Berminat	arc
JENIS	Pearson Correlation		.965**	.948**	-.805**	-.684**	.793**
	Sig. (2-tailed)		.000	.000	.000	.000	.000
Marah	N	80	80	80	80	80	80
	Pearson Correlation	.965**		.985**	-.846**	-.609**	.832**
Takut	Sig. (2-tailed)	.000	.000		.000	.000	.000
	N	80	80	80	80	80	80
Gembira	Pearson Correlation	-.805**	-.846**	-.920**		.851**	-.411**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000		.000	.000
Berminat	N	80	80	80	80	80	80
	Pearson Correlation	-.684**	-.609**	-.712**	.851**		-.122
arc	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	.000	.280	
	N	80	80	80	80	80	80

		Correlations					
		JENIS	Marah	Takut	Gembira	Berminat	arc
JENIS	Pearson Correlation		.965**	.948**	-.805**	-.684**	.793**
	Sig. (2-tailed)		.000	.000	.000	.000	.000
	N	80	80	80	80	80	80
Marah	Pearson Correlation	.965**		.985**	-.846**	-.609**	.832**
	Sig. (2-tailed)	.000		.000	.000	.000	.000
	N	80	80	80	80	80	80
Takut	Pearson Correlation	.948**	.985**		-.920**	-.712**	.731**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000		.000	.000	.000
	N	80	80	80	80	80	80
Gembira	Pearson Correlation	-.805**	-.846**	-.920**		.851**	-.411**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000		.000	.000
	N	80	80	80	80	80	80
Berminat	Pearson Correlation	-.684**	-.609**	-.712**	.851**		-.122
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	.000		.280
	N	80	80	80	80	80	80
arc	Pearson Correlation	.793**	.832**	.731**	-.411**	-.122	
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	.000	.280	
	N	80	80	80	80	80	80

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

JENIS= jenis tingkah laku berisiko

Daripada Jadual 4.20, jelas menunjukkan nilai kolerasi pearson yang tinggi antara pengaruh ARC's (marah, takut, gembira dan berminat) melawan jenis. Nilai kolerasi perkaitan antara pengaruh ARC's (marah, takut, gembira dan berminat) adalah signifikan apabila nilai dapatan kurang dari 0.01. Jumlah keseluruhan pengaruh ARC's juga signifikan dan mendapat nilai kolerasi yang tinggi. Dapatan nilai kolerasi untuk pengaruh ARC's (gembira dan minat) dalam nilai negatife menunjukkan bahawa responden tidak akan melakukan tingkah laku berisiko dalam keadaan gembira dan berminat.

Ini bermakna tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara kesan pengaruh ARC's (marah, takut, gembira dan minat) terhadap jenis.

Jadual 4.21: Analisis Kolerasi Untuk Menunjukkan Perkaitan Yang Signifikan Antara Kesan Tanggapan Bahaya Dengan Jenis.

		Correlations	
		JENIS	Kesan
JENIS	Pearson Correlation		.938**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	80	80
Kesan	Pearson Correlation	.938**	
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	80	80

Correlations			JENIS	Kesan
JENIS	Pearson Correlation			.938**
	Sig. (2-tailed)			.000
	N		80	80
Kesan	Pearson Correlation		.938**	
	Sig. (2-tailed)		.000	
	N		80	80

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

JENIS= jenis tingkah laku berisiko

KESAN= kesan tanggapan bahaya

Daripada Jadual 4.21, jelas menunjukkan nilai kolerasi pearson yang tinggi antara pengaruh kesan tanggapan bahaya melawan jenis. Nilai kolerasi perkaitan antara kesan tanggapan bahaya adalah signifikan apabila nilai dapatan kurang dari 0.01. Ini bermakna tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara kesan tanggapan bahaya terhadap jenis.

Jadual 4.22: Analisis Kolerasi Untuk Menunjukkan Perkaitan Yang Signifikan Antara Gaya Asuhan Ibu Bapa Dengan Jenis.

Correlations						
		JENIS	Pemisif	Autiritatif	Autoritarian	KESELURUHAN GAYA ASUHAN
JENIS	Pearson Correlation		.713**	.204	-.565**	.010
	Sig. (2-tailed)		.000	.069	.000	.933
	N		80	80	80	80
Pemisif	Pearson Correlation	.713**		.439**	-.105	.603**
	Sig. (2-tailed)	.000		.000	.355	.000
	N	80	80	80	80	80
Autiritatif	Pearson Correlation	.204	.439**		-.161	.402**
	Sig. (2-tailed)	.069	.000		.153	.000
	N	80	80	80	80	80
Autoritarian	Pearson Correlation	-.565**	-.105	-.161		.689**
	Sig. (2-tailed)	.000	.355	.153		.000
	N	80	80	80	80	80
KESELURUHAN GAYA ASUHAN	Pearson Correlation	.010	.603**	.402**	.689**	
	Sig. (2-tailed)	.933	.000	.000	.000	
	N	80	80	80	80	80

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

JENIS= jenis tingkah laku berisiko

Daripada Jadual 4.22, jelas menunjukkan nilai kolerasi pearson yang tinggi antara pengaruh gaya asuhan ibu bapa (authoritarian, autoritatif dan permisif) melawan jenis.

Nilai kolerasi perkaitan antara gaya asuhan ibu bapa (authoritarian dan permisif) adalah signifikan apabila nilai dapatan kurang dari 0.01. Walau bagaimanapun nilai gaya asuhan autoritatif tidak signifikan kerana melebihi nilai 0.01. Jumlah keseluruhan pengaruh ARC's juga tidak signifikan dan mendapat nilai kolerasi yang rendah. Nilai kolerasi bagi gaya asuhan authoritarian mendapat hasil negative menunjukkan bahawa responden yang diasuh dengan gaya asuhan authoritarian tidak melakukan tingkah laku berisiko.

Ini bermakna terdapat perkaitan yang signifikan antara gaya asuhan ibu bapa (authoritarian, autoritatif dan permisif) terhadap jenis.

PERBINCANGAN

Hipotesis 1: Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Kesan Pengaruh ARC's Dengan Jantina

Berdasarkan ujian-t didapati bahawa nilai signifikan ialah 0.319 lebih besar nilai dari 0.05, maka nilai dalam baris pertama akan diambil kira. Nilai t sebenar ialah -2.168 manakala nilai t hasil bahagi mean dan sisihan piawai ialah $t = -2.169$, hipotesis ini diterima. Nilai min ARC's perempuan lebih tinggi dari lelaki iaitu 2.84 dengan sisihan piawai 0.256. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kesan pengaruh ARC dengan jantina. Dapatan menunjukkan bahawa kadar remaja lelaki dan kadar remaja perempuan yang dipengaruhi oleh ARC iaitu Affect Related Characteristic dalam membuat keputusan untuk melakukan tingkah laku berisiko remaja adalah dalam lingkungan yang hampir sama.

Namun, sebuah kemungkinan yang sama kemungkinan adalah bahawa remaja yang terlibat dalam perilaku berisiko membuat upaya bersama untuk membenarkan perilaku mereka, dan kerana itu lebih mungkin untuk melaporkan bahawa keputusan mereka didasarkan pada peningkatan harapan positif dan negatif berkurang mempengaruhi (Caffray & Schneider, 2000). Atau, sama, remaja tanpa pengalaman dalam perilaku berisiko lebih terdorong untuk fokus pada harapan penyesalan yang diantisipasi. Jadi, langkah berikutnya yang penting adalah untuk mengurai arah kesan, mungkin dengan meneliti hubungan antara membuat keputusan dan perilaku berisiko pengalaman pertama.

Hipotesis 2: Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Kesan Tanggapan Bahaya Dengan Jantina

Berdasarkan ujian-t didapati bahawa nilai signifikan 0.323 iaitu lebih dari 0.05, jadi nilai di baris pertama akan diambil kira. Nilai t baris pertama ialah -2.793, nilai t ialah mean dibahagi dengan sisihan piawai mendapat nilai -2.75 yang mengeneipkan nilai t sebenar, maka hipotesis ini diterima. Nilai min kesan tanggapan bahaya perempuan lebih tinggi iaitu 4.72 dengan sisihan piawai 0.204. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kesan tanggapan bahaya dengan jantina. Dapatan menunjukkan bahawa kadar remaja perempuan dan kadar remaja lelaki yang mengetahui tentang kesan tanggapan bahaya tingkah laku berisiko remaja adalah dalam lingkungan yang hampir sama. Hasil kajian ini berbeza dari kajian yang telah dijalankan oleh Gold dan Reimer (1975) ke atas 1395 pelajar berusia antara 11 hingga 18 tahun yang

mendapati bahawa tingkah laku devian lebih banyak dilakukan oleh pelajar lelaki berbanding pelajar perempuan. Peningkatan salah laku devian yang paling ketara ialah ketika usia 11 tahun hingga 15 tahun. Begitu juga dengan kajian oleh Huizinga dan Elliot (1987) dan Yoshikawa (1994) yang menunjukkan bahawa tingkah laku devian lebih banyak dilakukan oleh remaja lelaki berbanding remaja perempuan.

Hipotesis 3: Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Gaya Asuhan Ibu Bapa Dengan Jantina

Berdasarkan ujian-t didapati bahawa nilai signifikan ialah 0.040 lebih kecil daripada 0.05, maka baris kedua akan digunakan. Nilai t sebenar ialah -3.614 manakala nilai t hasil dari pembahagian mean dan sisihan piawai baris kedua ialah $t = -0.3614$, maka hipotesis ini ditolak. Nilai min gaya asuhan ibu bapa perempuan lebih tinggi iaitu 2.73 dengan sisihan piawai 0.338. Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya asuhan ibu bapa dengan jantina. Dapatan menunjukkan bahawa kadar ibu bapa mendidik remaja lelaki dengan tegas adalah lebih berbanding kadar ibu bapa mendidik remaja perempuan lebih bersifat autoritatif. Ini bermakna tingkah laku devian remaja secara umumnya tidak dipengaruhi oleh corak gaya asuhan ibu bapa mereka.

Hasil kajian ini disokong oleh kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Rodzik (1998) yang menyatakan bahawa tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara corak gaya asuhan ibu bapa dengan tingkah laku remaja. Ini bermakna corak gaya asuhan ibu bapa tidak boleh dikaitkan seratus peratus dengan tingkah laku remaja. Selain daripada corak gaya asuhan ibu bapa, terdapat banyak lagi faktor lain di luar persekitaran keluarga yang mempengaruhi tingkah laku remaja. Oleh itu pembentukan tingkah laku devian remaja tidak boleh dikaitkan dengan corak gaya asuhan ibu bapa sahaja. Sebaliknya perlu dilihat dan diambil kira faktor-faktor lain di sekitar remaja itu sendiri. Walaubagaimana pun didapati keputusan kajian ini adalah berlawanan dengan hasil dapatan kajian terdahulu yang menyatakan bahawa corak gaya asuhan ibu bapa memberi kesan terhadap tingkah laku devian remaja. Kajian oleh Jacobvitz dan Bush (1996) merumuskan latarbelakang tingkah laku antisosial adalah kesan daripada kekurangan, ketidaksesuaian atau kawalan disiplin yang tidak konsisten semasa kanak-kanak. Begitu juga dengan Foster dan Clark (1989), yang telah melakukan kajian ke atas 231 orang pelajar yang berada dalam lingkungan 14 tahun, telah mendapati bahawa pelajar-pelajar yang kerap merasa tidak puas hati terhadap layanan yang diterima daripada keluarga mempunyai korelasi yang signifikan terhadap sikap melanggar disiplin di kalangan pelajar sekolah.

Hipotesis 4: Tidak Terdapat Perkaitan Yang Signifikan Antara Pengaruh ARC's Dengan Jenis Tingkah Laku Berisiko

Berdasarkan keputusan ujian kolerasi jelas menunjukkan nilai kolerasi Pearson yang tinggi antara pengaruh ARC's (marah, takut, gembira dan berminat) melawan jenis. Nilai kolerasi perkaitan antara pengaruh ARC's (marah, takut, gembira dan berminat) adalah signifikan apabila nilai dapatan kurang dari 0.01. Jumlah keseluruhan pengaruh ARC's juga signifikan dan mendapat nilai kolerasi yang tinggi. Dapatan nilai kolerasi untuk pengaruh ARC's (gembira dan minat) dalam nilai negative menunjukkan bahawa responden tidak akan melakukan tingkah laku berisiko dalam keadaan gembira dan

berminat. Ini bermakna tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara kesan pengaruh ARC's (marah, takut, gembira dan minat) terhadap jenis.

Penemuan ini sebahagian besar konsisten dengan kajian sebelumnya, terutamanya yang berkaitan dengan hubungan antara kemarahan dan tingkah laku berisiko. Penyelidik yang lain telah menemui kesan signifikan negatif pada penggunaan alkohol (Colder dan Chassin, 1993), perasaan marah dan penggunaan alkohol (Pardini et al, 2004), dan kemarahan pada perilaku berisiko (Sigfusdottir et al, 2004). Keputusan kajian kami ditambahkan kepada kajian masa lalu dengan memperlihatkan kesan langsung marah pada salah laku berisiko, untuk pelbagai kumpulan remaja.

Hipotesis 5: Tidak Terdapat Perkaitan Yang Signifikan Antara Kesan Tanggapan Bahaya Dengan Jenis Tingkah Laku Berisiko

Hasil keputusan ujian kolerasi jelas menunjukkan nilai kolerasi pearson yang tinggi antara pengaruh kesan tanggapan bahaya melawan jenis. Nilai kolerasi perkaitan antara kesan tanggapan bahaya adalah signifikan apabila nilai dapatan kurang dari 0.01. Ini bermakna tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara kesan tanggapan bahaya terhadap jenis.

Keputusan ini konsisten dengan penemuan sebelumnya yang menunjukkan bahawa, meskipun remaja mungkin mempunyai keupayaan kognitif untuk menilai risiko, mereka masih terlibat dalam banyak perilaku berisiko. Sebagai Furby dan Beyth-Marom (1992) menyarankan, kegiatan ini mungkin akibat daripada perbezaan dalam menetapkan nilai-nilai yang remaja dengan berbagai konsikuen jika dibandingkan dengan nilai-nilai yang diberikan oleh orang dewasa.

Hipotesis 6: Tidak Terdapat Perkaitan Yang Signifikan Gaya Asuhan Ibu Bapa Dengan Jenis Tingkah Laku Berisiko

Hasil keputusan ujian kolerasi jelas menunjukkan nilai kolerasi pearson yang tinggi antara pengaruh gaya asuhan ibu bapa (authoritarian, autoritatif dan permisif) melawan jenis. Nilai kolerasi perkaitan antara gaya asuhan ibu bapa (authoritarian dan permisif) adalah signifikan apabila nilai dapatan kurang dari 0.01. Walau bagaimanapun nilai gaya asuhan autoritatif tidak signifikan kerana melibih nilai 0.01. Jumlah keseluruhan gaya asuhan ibu bapa juga tidak signifikan dan mendapat nilai kolerasi yang rendah. Nilai kolerasi bagi gaya asuhan authoritarian mendapat hasil negative menunjukkan bahawa responden yang diasuh dengan gaya asuhan authoritarian tidak melakukan tingkah laku berisiko. Ini bermakna terdapat perkaitan yang signifikan antara gaya asuhan ibu bapa (authoritarian, autoritatif dan permisif) terhadap jenis.

Hasil kajian ini disokong oleh kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Rodzik (1998) yang menyatakan bahawa tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara corak gaya asuhan ibu bapa dengan tingkah laku remaja. Ini bermakna corak gaya asuhan ibu bapa tidak boleh dikaitkan seratus peratus dengan tingkah laku remaja. Selain daripada corak gaya asuhan ibu bapa, terdapat banyak lagi faktor lain di luar persekitaran keluarga yang mempengaruhi tingkah laku remaja. Oleh itu pembentukan tingkah laku berisiko remaja tidak boleh dikaitkan dengan corak gaya asuhan ibu bapa sahaja. Sebaliknya perlu dilihat dan diambil kira faktor-faktor lain di sekitar remaja itu sendiri.

Hasil daripada dapatan yang diperoleh terdapat beberapa perkara yang dapat dirumuskan mengenai hubungan antara faktor-faktor persekitaran keluarga yang mempengaruhi tingkah laku devian remaja. Perkara-perkara tersebut adalah asas kepada objektif kajian yang telah ditetapkan oleh penyelidik. Antara rumusan yang dapat dibuat ialah :

- i. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kesan tanggapan bahaya dengan jantina.
- ii. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara corak gaya asuhan ibu bapa dengan tingkah laku remaja.
- iii. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kesan pengaruh ARC's dengan jantina.
- iv. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara kesan pengaruh ARC's dengan jenis tingkah laku berisiko
- v. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara kesan tanggapan bahaya dengan jenis tingkah laku berisiko
- vi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara gaya asuhan ibu bapa dengan jenis tingkah laku berisiko

RUJUKAN

- Alice Rani, A.S. (1988). *Gaya Asuhan Keluarga dan Pembentukan Personaliti Remaja*. UKM: Tesis Ijazah Sarjana Muda (Tidak diterbitkan).
- Arnett, J. (1992). Reckless behavior in adolescence: A developmental perspective. *Developmental Review, 12*, 391-409.
- Azizi Yahya et al (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur:PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Bandura, A. (1977). *Social Learning Theory*. Englewood Cliffs. New Jersey: Prentice Hall.
- Bandura, A. & Mischel, W.(1986). *Social Foundation Of Thought And Action: A Social And Cognitive Theory*. Englewood Cliffs. New Jersey: Prentice Hall.
- Benthin, A., Slovic, P., & Severson, H. (1993). A psychometric study of adolescent risk perception. *Journal of Adolescence, 16*, 153-168.
- Baumrind, D. (1968). *Autoritarian vs Autoritative Parental Central Adolescence*. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Baumrind, D. (1971). *Current Patterns Of Parental Authority*. Developmental Psychology Monographs, 4, part 2.
- Beyth-Marom, R., & Fischhoff, B. (1997). Adolescents' decisions about risks: A cognitive perspective. In J. Schulenberg, J. Maggs, & K. Hurrelmann (Eds.),

- Health risks and developmental transitions during adolescence* (pp. 110-135). Cambridge, MA: Cambridge University Press.
- Baumrind, D. (1991). *Parenting Styles And Adolescent Development*. In Encyclopedia of Adolescence, Lerner, R. M., Petersen, A. C. and Brooks-Gunn, J. (Eds). New York: Garland, pp. 746-758.
- Colder, C. R., & Chassin, L. (1993). The stress and negative affect model of adolescent alcohol use and the moderating effects of behavioral undercontrol. *Journal of Studies on Alcohol*, 54, 326-333.
- Cooper, M., Frone, M., Russell, M., & Mudar, P. (1995). Drinking to regulate positive and negative emotions: A motivational model of alcohol use. *Journal of Personality and Social Psychology*, 69, 990-1005.
- Cooper, M. L., Wood, P. K., Orcutt, H. K., & Albino, A. (2003). Personality and the predisposition to engage in risky or problem behaviors during adolescence. *Journal of Personality and Social Psychology*, 84, 390-410.
- Dishion, T., Andrews, D., dan Crosby, L. (1995). *Anti Social Boys and Their Friends in Early Adolescence: Relationship Characteristics, Quality and Interactional Process*. Child Development, 66, 139-151.
- Dishion, T.J., Patterson, G.R., Stoolmiller, M., dan Skinner, M.L. (1991). *Family, School and Behavioural Antecedents to Early Adolescent Involvement with Antisocial Peers*. Developmental Psychology, 27(1), 172-180.
- Ellis, H., & Ashbrook, P. (1988). Resource allocation model of the effects of depressed mood states on memory. In K. Fiedler & J. Forgas (Eds.), *Affect, cognition, and social behavior: New evidence and integrative attempts* (pp. 25-43). Toronto, Canada: Hogrefe Press.
- Foster, E., dan Clark, F.S. (1989). *Parental Influences on Adolescent Problem Behaviour: Mediation and Moderational Models Involving Deviant Peers*. Journal of Family Psychology, 3, 39-60.
- Hall, G.S. (1904). *Adolescence*. (2 vols). New York: Appleton.
- Hawkins, J., Catalano, R., Kosterman, R., Abbott, R., & Hill, K. (1999). Preventing adolescent health-risk behaviors by strengthening protection during childhood. *Archives of Pediatric and Adolescent Medicine*, 153, 226-234
- Hoffman, L. (1996). *Progress and Problems in The Study of Adolescence*. Developmental Psychology, 32, 777-780.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2000). Edisi Ketiga. Kuala Lumpur. Dewan

Bahasa dan Pustaka

- Krejcie, R.V. dan Morgan, D.W. (1970). *Determining sample size for research*. Educational and Psychological Measurements, 30, 607-610.
- Lemert, E.M. (1972). *Human Deviance : Social Problems and Social Control*. Eaglewood Cliffs, N.J. : Prentice Hall.
- Mann, L. Harmoni, R., & Power, C. (1989). Adolescent decision-making: The development of competence. *Journal of Adolescence*, 12, 265-278.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai : UTM.
- Mohd Majid Konting. (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: DBP.
- Mohd Rodzik Abd Razak. (1998). *Hubungan Gaya Didikan Ibu Bapa Dengan Tingkah Laku Remaja*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda. Tidak Diterbitkan.
- Patterson, G. (1989). *A Developmental Perspective on Antisocial Behaviour*. American Psychologist, 44, 329-335.
- Paulson, S. (1994) *Relations of Parenting Style and Parental Involvement with Ninth Grade Students' Achievement*. Journal of Early Adolescence, 14, 250-267.
- Regoli, R.M. dan Hewitt, J.D. (1991). *Delinquency in Society*. 4th Edition. New York: McGraw Hill.
- Rohana Yusof. (1996). *Perlakuan Devian: Sebab Berlaku dan Kawalan Sosial Terhadapnya*. Jurnal Kebajikan Masyarakat. 19, 23-37.
- Scott, E., Reppucci, N., & Woolard, J. (1995). Evaluating adolescent decision making in legal contexts. *Law & Human Behavior*, 19, 221-244.
- Spear, L. P. (2000). The adolescent brain and age-related behavioral manifestations. *Neuroscience and Biobehavioral Reviews*, 24, 417-463.
- Steinberg, L., Darling, N., & Fletcher, A. C. (1995). *Authoritative Parenting And Adolescent Adjustment: An Ecological Journey*. Child Development, 65, 774-770.
- Steinberg, L., Elmen, J., & Mounts, N. (1989). *Authoritative Parenting, Psychosocial Maturity, And Academic Succes Among Adolescents*. Child Development, 60, 1424- 1436. Sumber: Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia 2008
- Webster, M. (1985). *Webster's Ninth New Collegiate Dictionary*. Meriam – Webster Inc.